

MAHATHIR

1983

SEREMBAN, 23 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI BAHAWA KESANGGUPAN PARA ANGGOTA TENTERA MENYABUNG NYAWA MENGHADAPI MUSUH MERUPAKAN FAKTOR PENTING UNTUK MENJAMIN KEAMANAN NEGARA.

KATANYA HANYA SEBAHAGIAN RAKYAT YANG TERPAKSA MENIKUL SENJATA UNTUK MEMPERTAHANKAN NEGARA MANAKALA SEBAHAGIAN LAGI MENJALANKAN LAIN-LAIN TUGAS YANG JUGA SAMA PENTINGNYA UNTUK MEMAJUKAN NEGARA.

BERUCAP DI MAJLIS BERBUKA PUASA DI KEM SATU BRIGED DI SINI, BELIAU BERKATA TANPA SEBAHAGIAN RAKYAT YANG BERTUGAS MENTADBIRKAN NEGARA, BERNIAGA DAN Mencari KEKAYAAN NEGARA TIDAK AKAN MEMPUNYAI WANG YANG CUKUP UNTUK MEMBIAYAI SEBUAH ANGKATAN BERSENJATA.

KATANYA SEBAHAGIAN DARIPADA PERUNTUKAN BESAR UNTUK MEMBIAYAI ANGKATAN BERSENJATA YANG MODEN IALAH DARI HASIL KUTIPAN CUKAI ORANG-ORANG YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN DI NEGARA INI.

OLEH ITU, TAMBAHNYA, JIKA PARA PENIAGA DAN PENGUSAHA ITU LEBIH MENINGKAT MAJU MAKA KERAJAAN AKAN DAPAT MENGUTIP LEBIH BANYAK CUKAI BAGI MEMBOLEHKANNYA MEMBELI SENJATA-SENJATA MODEN. -- LAGI 2333/00

NNNN

ZCZC 0689

MAHATHIR 2 SEREMBAN

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBAHAGIAN TANGGUNGJAWAB SEPERTI ITU ADALAH PERLU DAN BELIAU YAKIN PARA ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN FAHAM MENGENAI PERKARA ITU DAN TIDAK IRI HATI WALAUPUN TERDAPAT RAKYAT YANG TIDAK MENGHADAPI CABARAN HIDUP SEPERTI MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA MUNGKIN ADA ANTARA ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN ITU YANG MERASAKAN NASIB MEREKA KURANG BAIK TETAPI PADA HAK NYA, SEBENARNYA RAKYAT NEGARA INI ADALAH LEBIH BAIK BERBANDING DENGAN NASIB RAKYAT DI KEBANYAKAN NEGARA.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH MENTERI DEBAR DATUK MOHAMED ISA DATUK ABDUL SAMAD DAN PANGELIM TENTERA DARAT, JEN. TAN SRI DATUK ZAIN HASHIM. -- BERNAMA 2333/00